

Journal of Social Science Advanced Research (JOSSAR)  
eISSN: 2735-1874 | [Vol. 1 No. 2 December 2020]  
Journal website: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jossar>

## ANALISIS KEMUDAHAN PRASARANA PELAJAR ORANG KURANG UPAYA DI KOLEJ KOMUNITI

Ezlina Mohamad Esa<sup>1\*</sup> dan Alice Sabrina Ismail<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, MALAYSIA

\*Pengarang penghubung: ezlinaesa@yahoo.com

### Article Information:

### Article history:

Received date : 16 November 2020  
Revised date : 18 November 2020  
Accepted date : 25 November 2020  
Published date : 15 December 2020

### To cite this document:

Mohamad Esa, E., & Ismail, A. (2020). ANALISIS KEMUDAHAN PRASARANA PELAJAR ORANG KURANG UPAYA DI KOLEJ KOMUNITI. *Journal Of Social Science Advanced Research*, 1(2), 61-75.

**Abstrak:** Di Malaysia, golongan kurang upaya (OKU) semakin meningkat sejak tahun 2015 sehingga 2018 dan golongan ini merupakan satu kelompok penduduk dunia yang perlu diberikan peluang untuk menikmati kehidupan yang sama seperti golongan normal atas dasar hak kesaksamaan. Golongan pelajar ini telah lama ditolak peluang untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi, namun mereka semakin mengambil bahagian dalam Pendidikan yang lebih tinggi sejak kebelakangan ini dan telah melayakkan diri ke program di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Permasalahan ini timbul apabila kemudahan yang disediakan di kebanyakan IPT tidak dilengkapi dengan keperluan golongan OKU dan rekabentuk universal tidak diadaptasikan secara menyeluruh. Justeru, ia telah mengekang minat golongan OKU ini untuk terus melanjutkan pengajian selepas mendapat pendidikan awal. Kajian ini telah berfokuskan kepada dua (2) objektif utama iaitu (i) mengenalpasti tahap kemudahan akademik untuk pelajar OKU di kolej komuniti ini mengikut piawaian garis panduan MS1184 Standard Malaysia sebagai panduan dan (ii) mencadangkan kemudahan akademik yang terbaik untuk penyelesaian pelajar OKU sebagai rujukan di masa hadapan bagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) di Kolej Komuniti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian. Responden kajian terdiri daripada 10 orang pelajar OKU bagi sesi temu bual dan di Kolej Komuniti Ledang. Instrument kajian yang digunakan adalah senarai semak dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan dua tema utama iaitu kemudahan tidak mengikut piawaian dan rekabentuk

	<p><i>yang tidak bertepatan dengan kemudahan OKU. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rekabentuk kemudahan yang tidak mesra pengguna dan hanya mengikut garis panduan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS). Hal ini membuktikan bahawa rekabentuk kemudahan OKU tidak mempunyai pendekatan yang khas bagi institusi pengajian tinggi dan terlalu terikat dengan keperluan asas golongan normal sahaja. Oleh itu, penyelidik menyarankan garis panduan yang khusus bagi Kolej Komuniti diwujudkan dan bersesuaian dengan pelajar OKU bagi kegunaan perekabentuk dan kementerian yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar-pelajar OKU di institusi pengajian tinggi.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Orang Kurang Upaya, Kolej Komuniti, Kemudahan.</p>
--	---

## 1. Pengenalan

Golongan Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang tidak berkemampuan dari segi mental atau fizikal dalam menjalankan aktiviti seharian. Keadaan fizikal dan mental yang terhad juga mempengaruhi keperluan dan kehendak mereka (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Seharusnya, golongan ini perlu diberikan tumpuan yang lebih dan peluang yang lebih banyak agar mereka dapat menikmati kehidupan seharian sama seperti golongan normal (Kementerian Pembangunan Wanita, 2016). Kajian menunjukkan bahawa seramai 2,139 orang pelajar OKU yang terdiri daripada pelbagai jenis kecacatan telah Berjaya melayakkan diri mereka ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi (Tinggi & Tinggi, 2017). Hal ini berlaku kerana pihak kerajaan telah menggariskan satu dasar Pelan Tindakan OKU 2016-2022 (1991) di mana golongan OKU ini diberikan peluang dan hak sama rata seperti golongan normal untuk mendapatkan akses dalam bidang pendidikan di peringkat tertinggi. Namun begitu, permasalahan yang ketara di institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah kebanyakannya tidak dilengkapi dengan kemudahan awam yang mesra serta prasarana fizikal yang kurang sensitif kepada keperluan golongan OKU ini. Justeru, ia telah mengekang minat golongan OKU ini ke institusi pengajian tinggi untuk melanjutkan pengajian mereka.

## **2. Sorotan Literatur**

Menurut Madichie (2018), pendedahan berlaku apabila rangsangan berada dalam jarak reseptor deria seseorang seperti penglihatan, bau atau sentuhan. Pengguna mungkin cenderung menumpukan perhatian pada rangsangan tertentu atau berusaha untuk mengabaikan mesej tersebut. Menurut Madichie (2018), pendedahan rangsangan jelas berlaku pada resptor deria kita dan prosesnya berlaku dalam sistem deria manusia. Input yang dikesan dari lima deria merupakan data mentah yang diterima yang akan memulakan proses persepsi. Menurut pengkaji lepas, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi persepsi dalaman dan luaran. Dari perspektif dalaman, manusia mempunyai serangkaian faktor peribadi seperti pengalaman (yang merupakan hasil memperoleh dan memproses rangsangan dari masa ke masa) sebagai salah satu faktor yang menentukan seberapa banyak pendedahan terhadap rangsangan tertentu yang diterima seseorang. Tiga faktor lain dikaitkan dengan saringan persepsi manusia, kewaspadaan persepsi dan pertahanan persepsi (Madichie, 2018). Dalam kajian ini, persepsi lebih berfokuskan kepada pengalaman manusia pada waktu lepas kerana pengalaman yang pernah dilalui merupakan rangsangan yang kekal kerana kesan sesuatu pengalaman yang pernah dilalui akan memberi ingatan positif atau negatif dalam minda manusia.

Kolej Komuniti merupakan satu sistem Pendidikan tinggi di bawah pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi. Institusi menyediakan keperluan Latihan dan kemahiran melalui kursus pendek yang ditawarkan kepada semua peringkat masyarakat. Kolej Komuniti juga telah menawarkan pelbagai kursus jangka pendek untuk semua golongan masyarakat di samping kursus sepenuh masa peringkat diploma dan sijil bagi pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti (SKK) serta lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Samsudin & Rahim, 2014). Selain itu, kolej komuniti juga telah menawarkan Sijil Kemahiran Khas bagi golongan OKU yang ingin melanjutkan pelajar mereka dalam bidang kemahiran. Terdapat lapan (8) bidang krusus yang ditawarkan meliputi Sijil Kemahiran Asas Ikan Hiasan, Sijil Asas Pembuatan Seramik, Sijil Asas Ukiran Kayu, Sijil Asas Pemprosesan Makanan, Sijil Asas Jahitan Kreatif, Sijil Asas Kulinari, Sijil Asas Landskap dan Sijil Asas Pastrri (Komuniti, 2009).

### **2.1 Penyataan Masalah**

Golongan OKU ini dilihat sebagai golongan minoriti dan kewujudan mereka di institusi pengajian tinggi sering berada dalam peratusan yang sedikit sedangkan seharusnya mereka ini memiliki hak kesamarataan dan peluang yang sama untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik. Ramai sarjana mengatakan bahawa ini bukan disebabkan oleh kekurangan kemampuan pelajar OKU tersebut semata-mata, sebaliknya ia lebih kepada “halangan kekurangan sosial, alam sekitar dan sikap” yang disebut sebagai kekurangan dalam model sosial (Sabri, Rosli, & Takril, 2018). Secara terperinci, terdapat 4 faktor permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat OKU di pusat pengajian tinggi merangkumi faktor tahap kesedaran yang rendah dikalangan kakitangan akademik dan sokongan (Rosli & Sabri, 2017) ; proses pengurusan yang kurang untuk masyarakat OKU semasa menjalani pengajian oleh pihak berwajib (Falina & Sabri, 2017); akses kepada maklumat dan perkhidmatan semasa pengajian (Hasnah, Yasin, Tahar, & Norasuzaini, 2009) dan keberadaan persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif (Ying-Leh, 2018).

### **3. Metodologi Kajian**

Rekabentuk kajian kes merupakan kajian deskriptif secara menyeluruh. Kajian ini dibuat secara terperinci dan intensif ke atas suatu unit kecil sosial. Rekabentuk ini juga adalah suatu kajian yang terbatas dan mempunyai sempadan. Walau bagaimanapun, kelebihan kajian kes ini, penyelidik mampu mendapatkan maklumat secara mendalam, terperinci dan menyeluruh mengenai sesuatu kes yang sedang dikaji (Akhiar & Shamsina, 2011). Justeru, pendekatan kajian kes pelbagai digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini kerana ia mengekalkan ciri kesatuan objek sosial yang sedang dikaji.

#### **3.1 Material**

Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan dua (2) instrumen kajian bagi mendapatkan data-data daripada responden iaitu borang soal selidik dan pemerhatian. Soal selidik kajian ini dibina berdasarkan kepada kajian lepas dan diubahsuai mengikut keperluan objektif kajian ini. Terdapat beberapa soal selidik yang telah dijadikan sumber seperti Charlie Aval (2015), Nur Nabilah (2016) dan Nasirudin, Talib, Ibrahim, & Samsulbahari (2017). Soal selidik juga telah disahkan dan diuji dengan kajian ujian rintis seramai 10 orang responden dalam kalangan pelajar OKU. Kajian rintis ini dilaksanakan bagi meningkatkan kadar kefahaman dan kejituan soalan yang diutarakan kepada responden sebenar (Pisal, Shukri, & Teh, 2019).

#### **3.2 Sampel Kajian**

Sampel kajian melibatkan pelajar-pelajar kurang upaya yang sedang menuntut di kolej komuniti terpilih dan mengambil kursus Sijil Kemahiran Khas seramai 63 orang daripada pelbagai bidang di empat (4) buah kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Ledang, Kolej Komuniti Masjid Tanah, Kolej Komuniti Selayang dan Kolej Komuniti Jelebu. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada sijil khas yang ditawarkan oleh kolej komuniti tersebut serta status bangunan tersebut.

#### **3.3 Lokasi Kajian**

Kajian kes pelbagai digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan empat (4) buah kolej komuniti yang akan dikaji iaitu Kolej Komuniti Ledang (KKLJ), Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT), Kolej Komuniti Jelebu (KKJEL) dan Kolej Komuniti Selayang (KKSEL). Ia juga melibatkan penggunaan kaedah pemerhatian bagi mendapatkan data mengenai kemudahan fasiliti golongan OKU yang disediakan dan rekabentuk bangunan kolej komuniti sama ada memenuhi kriteria standard MS1184.

### **3.4 Prosedur Kajian**

Dalam penyelidikan, kaedah penyelidikan merupakan kerangka untuk keseluruhan proses penyelidikan dan sangat penting kerana kaedah penyelidikan merupakan satu kaedah yang membolehkan objektif kajian dipertanyakan (Creswell, 2013). Dalam kajian ini proses analisis pemerhatian secara terus digunakan bagi mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian. Ianya melibatkan pemerhatian secara langsung kepada spesifikasi-spesifikasi yang digunakan dalam piawaian standard MS 1184. Senarai semak telah diwujudkan bagi memudahkan penyelidik membuat analisa kepada jenis-jenis kemudahan yang disediakan di kolej komuniti yang terlibat. Beberapa pecahan semakan yang telah dibuat oleh penyelidik dalam mendapatkan data kepatuhan pembina dan gambar-gambar yang berkaitan dengan kemudahan OKU juga diambil bagi tujuan analisis kajian. Semua hasil dapatan di tapak kajian akan di analisis menggunakan perisian Atlas.ti supaya semua data yang dikutip akan dianalisis secara sistematik dan tepat mencipta kod dan membina tema yang bersesuaian.

### **3.5 Pengukuran Kajian**

Kajian ini diukur dengan menggunakan kebolehpercayaan dan kesahan yang merupakan dua ciri utama yang saling berkait dalam menentukan sesuatu instrumen dalam kajian. Kebolehpercayaan juga merupakan suatu nilai yang diukur yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk menentukan ketekalan skor sesuatu item. Ia juga telah dinyatakan oleh sarjana lepas (Howard, 1988) bahawa konsep kebolehpercayaan ini membawa sesuatu item yang diuji beberapa kali kepada subjek yang sama akan memberikan skor keputusan/ jawapan yang sama ataupun hampir sama. Justeru, tujuan utama konsep kebolehpercayaan ini adalah untuk mengetahui kemampuan sesuatu ukuran dalam memberikan jawapan yang sama terhadap suatu populasi atau responden (Sabitha Marican, 2005).

## **4. Analisis Data**

Dalam kajian ini terdapat dua (2) jenis proses menganalisa data iaitu pertamanya, data akan dianalisis menggunakan kaedah tinjauan dan responden yang dipilih adalah berdasarkan kepada Sijil Kemahiran Khas yang terdapat di Kolej Komuniti yang terpilih. Penganalisan data ini akan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Keduanya, bagi analisis data pemerhatian pula, senarai semak digunakan bagi menentukan kemudahan OKU yang terdapat di Kolej Komuniti tersebut sama ada penyediaan kemudahan OKU disediakan menepati piawaian Standard Malaysia 1184: 2014. Data-data yang diperolehi akan dibenangkan dalam bentuk min, peratus, sisihan piawai dan jadual.

#### 4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian kualitatif seperti yang telah dinyatakan oleh Chua Yan Piaw (2014) bahawa pengkaji perlu mempertimbangkan beberapa strategi penting iaitu teknik menggunakan kaedah triangulasi, menggunakan pengkaji terlatih, menggunakan pemeriksaan rakan sebaya dan menggunakan alat pencatat sebagai bukti.

**Jadual 1: menunjukkan teknik meningkatkan kebolehpercayaan bagi kajian kualitatif (Adaptasi dari Chua Yan Piaw, Kaedah Penyelidikan, 2014)**

Teknik	Keterangan	Contoh
Menggunakan kaedah triangulasi	a. Menggunakan beberapa pengkaji yang berlainan. b. Melakukan kajian pada masa-masa yang berlainan. c. Melakukan kajian di tempat-tempat yang berlainan.	Dalam sesi temu bual, beberapa orang penemubual digunakan untuk menyoal soalan yang sama pada sela masa yang berlainan.
Menggunakan pengkaji terlatih	Ini melibatkan pengkaji-pengkaji yang terlatih untuk membuat pemerhatian dan laporan secara teliti dan sistematik.	
Menggunakan pemeriksaan rakan sebaya	Membandingkan data kajian yang dicatatkan oleh pengkaji dan pendapat rakan sebaya tentang subjek.	
Menggunakan alat pencatat sebagai bukti	Alat pencatat sebagai bukti kebolehpercayaan kajian yang merekodkan hasil sesi temu bual/pemerhatian.	Borang temu bual, perakam kaset, ptia video dan sebagainya.

Tambahan Lincoln dan Guba (1985), kepercayaan sesebuah kajian penyelidikan penting untuk menilai nilainya. Kebolehpercayaan dan kesahan juga melibatkan beberapa aspek iaitu, keyakinan terhadap 'kebenaran' penemuan (*credibility*), penemuan yang mempunyai kebolehgunaan dalam konteks lain (*transferability*), penemuan yang konsisten dan boleh diulang (*dependability*), tahap keneutralan atau sejauh mana penemuan kajian dibentuk oleh responden (*confirmability*) dan bukan berdasarkan kepada minat dan bias penyelidik.

**Jadual 2: Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif (Guba & Lincoln, 1994 dan Krefting, 1991)**

ASPEK	KRITERIA	KUANTITATIF	KUALITATIF
Kesahan ( <i>Validity</i> )	Nilai Benar ( <i>Truth Value</i> )	Kesahihan Dalaman	Kredibiliti ( <i>Credibility</i> )
	Kebolehgunaan ( <i>Applicability</i> )	Kesahihan Luaran	Pindah Milik ( <i>Transferability</i> )
Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> )	Konsisten ( <i>Consistency</i> )	Kebolehpercayaan	Kepercayaan ( <i>Dependability</i> )
	Berkecuali ( <i>Neutarilty</i> )	Mempunyai Objektif	Kepastian ( <i>Confirmability</i> )

Triangulasi data merupakan satu kaedah utk mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi dalam kajian. Melalui triangulasi data juga, penyelidikan ini dapat dilihat dari pelbagai perspektif dan sudut di mana data yang diperolehi dengan menggunakan pelbagai kaedah (Chua, 2014). Justeru, kajian ini juga telah mempelbagaikan kaedah dalam mendapatkan gambaran sebenar keseluruhan penyelidikan. Walaupun setiap kaedah yang digunakan adalah berbeza namun, ianya mengarah kepada satu tujuan yang sama iaitu memfokuskan kepada objektif kajian. Berdasarkan kepada perincian dan penjelasan kaedah kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa kekuatan aspek kualiti yang teramat diutamakan. Pendekatan kaedah kajian kualitatif mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam mengukuhkan bukti-bukti dan kebolehpercayaan data yang diterima.

#### 4.2 Hasil Dapatan dan Perbincangan

Statistik kepercayaan berdasarkan kepada keputusan yang telah diperolehi berdasarkan kepada keputusan ini, nilai Cronbach's Alpha ialah 0.933. Setiap soalan yang berkaitan dengan persepsi berada pada skala likert 6 mata. Skala likert 6 mata digunakan untuk menguji persepsi kerana ianya mempunyai trend diskriminasi dan nilai kebolehpercayaan yang lebih tinggi (Vate-U-Lan & Masouras, 2018). Jadual 4.2 merujuk kepada interpretasi skala likert 6 mata yang digunakan dalam kajian.

**Jadual 3: Interpretasi skala likert 6 mata (Vate-U-Lan & Masouras, 2018)**

SKALA	SELA PEMBERAT MIN	INTERPRETASI
6	5.17-6.00	Sangat Bersetuju
5	4.33-5.16	Setuju
4	3.49-4.32	Sedikit Bersetuju
3	2.67-3.50	Sedikit Tidak Bersetuju
2	1.83-2.66	Tidak Bersetuju
1	1.00-1.82	Sangat Tidak Bersetuju

Pecahan responden daripada kalangan pelajar empat (4) kolej komuniti yang mengalami masalah kecacatan mengikut kategori masing-masing. Responden terdiri daripada pelbagai latarbelakangan dan diterangkan dalam jadual berikut. Seramai 54 orang responden (85.7%) yang mempunyai kategori kecacatan lembam atau masalah pembelajaran, 6 orang responden yang mempunyai masalah pendengaran (9.5%), 2 orang responden (3.2%) yang mempunyai masalah percakapan serta seorang yang mempunyai masalah penglihatan (1.6%).

Beberapa item soalan telah diajukan kepada responden berkenaan dengan persepsi mereka terhadap kemudahan OKU yang telah disediakan di kolej komuniti masing-masing. Terdapat 13 item soalan yang akan dirungkai dalam bahagian ini. Min bagi keseluruhan jawapan responden adalah 4.3651 ( $SD = 0.938$ ). Selain itu, responden juga bersetuju bahawa mereka dapat berdikari dalam kehidupan seharian tanpa pertolongan daripada orang lain. Responden juga bersetuju jika kemudahan yang disediakan perlu dibaiki dan dibuat penyelenggaraan secara berkala. Terdapat 7 item soalan yang telah diajukan kepada responden bagi menjawab persoalan mengenai penilaian mereka terhadap kemudahan OKU. Secara keseluruhannya, jumlah min bagi semua item tersebut ialah 4.33 ( $SD = 1.000$ ).

Jadual 4: Kerangka rekabentuk kemudahan di Kolej Komuniti terpilih

Bil	Butiran Rekabentuk Kemudahan	KKLJ	KKJEL	KKMT	KKSEL
		Pematuhan	Pematuhan	Pematuhan	Pematuhan
		(√/X)	(√/X)	(√/X)	(√/X)
1	<b>Tempat Letak Kereta (OKU)</b>				
	a) Parkir kereta OKU perlu disediakan berdekatan dengan pintu masuk utama dan tidak melebihi 50m.	X	√	√	√
	b) Simbol parkir untuk pengguna kerusi roda pada permukaan parkir dan menegak dapat dilihat apabila memasuki parkir.	X	√	√	√
	c) Bilangan parkir OKU yang perlu disediakan sekurang-kurangnya minimum 1 parkir OKU pada setiap kawasan parkir.	X	√	√	√
2	<b>Laluan Ke Bangunan</b>				
	a) Laluan ke bangunan perlu disediakan daripada kawasan persekitaran luar atau kawasan parkir bagi aksesibiliti keluar dan masuk ke bangunan.	√	√	√	√
	b) Pastikan laluan mempunyai warna yang berbeza dengan warna di sekitarnya serta menggunakan jubin pandu arah untuk OKU cacat penglihatan.	X	X	X	X
	c) Laluan akses ke bangunan adalah perlu rata dan selamat.	√	√	√	√
	d) Bagi mana-mana bahagian laluan untuk akses ke bangunan yang berkecerunan melebihi 1:20, ramp hendaklah disediakan.	√	√	√	√
	e) Saiz laluan bebas halangan kerusi roda perlu disediakan seperti berikut:				
	i. Tidak kurang 1800 mm lebar untuk laluan (utama) dua hala;	√	√	√	√
	ii. Tidak kurang 1500mm lebar bagi laluan (kerap) dua hala dengan <i>passing space</i> disediakan pada setiap jarak 25m;	√	√	√	√
	f) Bagi laluan bertangga, lebar bersih laluan hendaklah tidak kurang daripada 1200mm dan lebar antara handrails pula adalah tidak kurang 1000mm.	√	√	√	√



	g) Drainage grating pada laluan akses atau ramp hendaklah flush in dengan permukaan lantai.	√	√	√	√
3	<b>Ramp</b>				
	a) Ramp perlu disediakan bagi sebarang perubahan ketinggian permukaan laluan. Tangga perlu disediakan bersebelahan dengan ramp jika perbezaan aras melebihi 300mm.	X	√	√	√
	b) Kecerunan ramp tidak lebih nisbah 1:12.	X	√	X	X
	c) Lebar bersih ramp perlu disediakan tidak kurang daripada 1200mm. Bagi ramp yang mempunyai handrails, jarak minimum antara handrails adalah 1000mm.	X	√	√	√
	d) Jarak <i>end landing</i> dan <i>intermediate landing</i> hendaklah disediakan tidak kurang daripada 1500mm. Bagi bangunan sedia ada; Panjang ramp tanpa halangan perlu disediakan tidak kurang daripada 1200mm.	X	√	√	√
	e) Handrails hendaklah disediakan di kedua-dua sisi bagi laluan ramp yang melebihi 800mm panjang. Jarak minimum antara handrail adalah 1000mm.	X	√	X	√
	f) Permukaan ramp mestilah stabil dan tidak licin samada dalam keadaan kering dan basah.	X	√	X	√
4	<b>Tangga</b>				
	a) Anak tangga mempunyai ketinggian (riser) tidak melebihi 180mm dan panjang (tread) tidak kurang daripada 260mm.	√	√	√	√
	b) Lebar tangga tidak kurang daripada 1200mm dengan jarak minimum antara handrails tanpa sebarang halangan tidak kurang daripada 1000mm.	√	√	√	√
	c) <i>Landing area</i> perlu bebas daripada halangan dengan ruang lebar tidak kurang daripada 1500mm bagi memudahkan pergerakan <i>stretcher</i> .	√	√	√	√
	d) Ketinggian bersih di ruang bawah tangga tidak kurang daripada 2100mm. Jika ketinggian kurang daripada 2100mm, penghadang perlu disediakan.	√	√	√	√
	e) <i>Tactile</i> jenis amaran dengan lebar 300mm dipasang pada dengan jarak 300mm antara tactile dan hujung anak tangga pertama.	X	X	√	√
5	<b>Susur Tangan (Handrails)</b>				
	a) Handrails disediakan dengan kukuh dan kuat dan boleh menanggung beban minimum 150 kg.	√	√	√	√
	b) Handrails dipasang pada kedua-dua sisi tangga/ramp. Handrails di bahagian tengah perlu dipasang sekiranya lebar tangga/ramp melebihi 2700mm.	√	√	√	√

	c) Handrails yang dipasang perlu mematuhi ciri-ciri berikut:				
	i. Diameter tidak lebih dari 45mm;	√	√	√	√
	ii. Ruang minimum tidak kurang dari 40mm disediakan antara handrails dan dinding;	√	√	√	√
	iii. Mudah digenggam (270°) lengkung di bahagian atas bebas dari halangan).	√	√	√	√
	iv. Mempunyai permukaan yang licin dan tahan gelinciran.	√	√	√	√
	d) Handrails dipasang dengan ketinggian minimum antara 850 mm dan maksimum 1000 mm dari aras lantai.	√	√	√	√
	e) Handrails tambahan dipasang secara mendatar dengan jarak tidak kurang daripada 300mm dari anak tangga pertama dan 300mm selepas anak tangga terakhir.	√	√	√	√
	f) Handrails yang dipasang menggunakan warna kontra dengan dinding supaya mudah dikenalpasti.	√	√	√	√
6	<b>Lif</b>				
	a) Saiz dalaman lif tidak kurang dari 1100mm x 1400mm dengan cermin dipasang bertentangan dengan pintu lif. Bagi lif untuk kegunaan troli dan stretcher, saiz dalaman lif tidak kurang dari 1200mm x 2300mm.	X	X	X	√
	b) Lebar pintu untuk laluan akses masuk ke lif tidak kurang dari 900mm.	X	X	X	√
	c) Jika terdapat tangga bertentangan dengan pintu masuk lif, jarak sekurang-kurangnya 2000mm perlu disediakan antara pintu lif dan tangga bagi membolehkan pergerakan kerusi roda.	X	X	X	√
	d) Sekurang-kurangnya satu handrail disediakan di dalam lif dengan ciri-ciri berikut:	X	X	X	X
	i. Berukuran antara 40 mm – 50mm;				
	e) Huruf Braille disediakan pada butang kawalan lif dan mudah dikenalpasti.	X	X	X	X
	f) Lif mempunyai interkom kecemasan dengan butang yang jelas dan mudah dikenalpasti.	X	X	X	X
	g) Lif dipasang dengan sistem suara yang mengumumkan ketibaan di setiap aras.	X	X	X	X
	h) Panel butang kawalan lift dipasang pada kedudukan antara 900mm - 1200mm dari aras lantai di bahagian luar dan dalam lif.	X	X	X	√
7	<b>Pintu</b>				

	a) Lebar pintu untuk laluan kerusi roda adalah sekurang-kurangnya 850mm; kelebaran pintu 900mm dan ke atas adalah digalakkan.	√	√	√	√
	b) Ketinggian pintu sekurang-kurangnya 2100mm.	√	√	√	√
	c) Menyediakan ruang untuk pergerakan OKU dan ruang laluan daun pintu tidak kurang 2000mm terutama bagi pintu menuju ke tangga.	√	√	√	√
	d) Lebar bukaan pintu tidak kurang daripada 900mm termasuk bagi pintu berdaun dua.	√	√	√	√
	e) Jarak maksimum dari pemegang daun pintu ke permukaan dinding tidak boleh melebihi 250mm.	√	√	√	√
	f) Bagi pintu dan dinding jenis glazed (berkaca), pertunjuk yang jelas/kontra dengan minimum ketinggian 75mm dipasang dengan ketinggian 900mm – 1000mm dan 1300mm - 1400mm dari aras lantai.	X	X	X	X
	g) Perabot pintu dipasang pada ketinggian antara 800mm - 1000mm dan boleh diakses menggunakan sebelah tangan.	√	√	√	√
8	<b>Tingkap</b>				
	a) Ketinggian bukaan tingkap yang menghala ke kawasan pejalan kaki tidak kurang daripada 2100mm.	√	√	√	√
	b) Tingkap yang dipasang mestilah mudah dibuka dan ditutup dengan sebelah tangan. Bahagian bukaan tingkap (berkaca) mestilah tidak lebih 1100mm dari aras lantai supaya tidak menghalang penglihatan pengguna kerusi roda.	√	√	√	√
9	<b>Tandas OKU</b>				
	a) Kemudahan tandas awam hendaklah menyediakan keperluan semua golongan termasuk OKU iaitu: i. sekurang-kurangnya satu bilik tandas yang boleh diakses oleh kerusi roda hendaklah disediakan; dan ii. di dalam bilik tandas yang boleh diakses kerusi roda tersebut perlu mengandungi sinki tangan.	√	X	√	X
	b) Tandas awam bagi OKU mempunyai simbol yang mudah dikenalpasti dan di pameran untuk kegunaan OKU penglihatan dan <i>impairment</i> mental.	X	X	√	X
	c) Penggera bantuan kecemasan, termasuk <i>reset control</i> , hendaklah disediakan di semua tandas OKU pada ketinggian antara 800mm – 1100mm dari aras lantai.	√	√	√	X
	d) Ruang masuk di depan tandas harus minimum 900 mm - 900mm.	X	X	X	X
		√	√	√	√

	e) Pintu tandas harus dibuka ke arah luar, dengan lebar tanpa halangan minimum 800 mm. Jika pintu dibuka ke arah dalam, maka hendaklah ada satu cara untuk membuka pintu atau mengeluarkannya dari luar.	√	√	√	X
	f) Lantai tidak licin.	√	√	√	√
	g) Tandas awam mempunyai ruang yang minimum 1700mm x 2200mm (P x L) untuk pengguna kerusi roda keluar dan masuk.	X	X	X	X
	h) Mangkuk tandas bercirikan spesifikasi OKU (ketinggian 400mm-480mm, jenis, warna, simbol) dan berada dalam keadaan selesa untuk pengguna kerusi roda;	√	X	√	X
	i) Jarak minimum dari tepi tempat duduk tandas ke dinding belakang adalah antara 650 mm dan 800 mm;	X	X	√	√
	j) Rel Pemegang (Grab Rails) di kedua-dua-dua sisi (sama ada drop-down atau tetap ke dinding) hendaklah disediakan pada jarak antara 300 mm hingga 350 mm dari mangkuk tandas.	X	X	√	X
10	<b>Pencahayaan</b>				
	a) Semua jenis pencahayaan samada lampu atau cahaya semulajadi boleh dikawal untuk mengelakkan silau.	√	√	√	√
	b) Pencahayaan yang cukup perlu disediakan di kawasan-kawasan yang berbahaya seperti tangga, laluan yang mempunyai perbezaan aras, kawasan berhampiran pintu dan kawasan penyampaian maklumat.	√	√	√	√
11	<b>Sistem Amaran Kebakaran</b>				
	a) Sistem penggera perlu direkabentuk sesuai untuk OKU kurang pendengaran dan dipasang dikawasan seperti tandas, bilik mesyuarat dan tempat awam (bising).	X	X	X	X
	b) Susun atur bilik, tahap pencahayaan dan susunan perabot hendaklah dipertimbangkan untuk memastikan sistem penggera yang dipasang dapat dilihat. Frekuensi sistem adalah antara 0.5 - 4Hz	X	X	X	X
12	<b>Isyarat Amaran Cahaya</b>				
	a) <i>Light strobes/beacons</i> harus dapat dilihat dengan jelas. Perlu dipasang di tandas, kawasan bangunan yang mempunyai persekitaran bising /padat.	X	X	X	X
13	<b>Simbol Grafik, Papan Tanda dan Kontras Visual</b>				
	a) Tulisan Braille yang jelas (raised and domed) dan mudah dikesan perlu disediakan pada papan tanda/ symbol untuk memudahkan aksesibiliti OKU penglihatan.	X	X	X	X
	b) Tulisan Braille disediakan pada jarak 8mm di bawah tulisan/ simbol.	X	X	X	X

c) Simbol grafik yang digunakan bersesuaian dan betul sebagai panduan dan tanda arah kepada OKU.	√	X	X	√
d) Simbol grafik (tulisan) pada tanda arah dan pintu yang boleh disentuh perlu disertakan bersama tulisan Braille.	X	X	X	X
e) Simbol grafik digunakan untuk menunjukkan bahagian-bahagian tertentu kemudahan berdasarkan jenis kelainan upaya.	X	X	X	X
f) Simbol grafik disediakan bagi OKU <i>mobility</i> untuk menunjukkan lokasi: i. Letak kereta/ garaj ii. Akses ke bangunan lif, tandas, tangga, bilik persalinan dan lain-lain.	X	X	X	X
g) Simbol grafik bagi OKU penglihatan disediakan untuk menunjukkan lokasi mana maklumat boleh diakses dengan pendengaran dan sentuhan.	X	X	X	X
h) Menyediakan skala <i>light reflectance value</i> (LRV) yang bersesuaian dengan kemudahan OKU yang disediakan.	X	X	X	X
i) Perbezaan warna pada pintu, aras lantai atau bangunan perlu mengikut skala LRV. Elakkan kombinasi warna merah dan hijau.	√	√	√	√
j) Papan tanda perlulah jelas, terang dan mudah difahami sama ada oleh orang yang sedang duduk, berdiri atau berjalan.	√	√	√	√
k) Papan tanda perlu dipasang pada ketinggian 1200mm dan 1600 mm dari aras lantai.	√	√	√	√
l) Papan tanda perlu diletakkan pada jarak 5mm - 100mm dari aras tepi pintu.	√	√	√	√
m) Tulisan mudah dibaca. Digalakkan menggunakan jenis tulisan Sans Swerif font atau Helvetica atau Arial.	√	√	√	√

## 5. Kesimpulan

Setelah meneliti setiap jawapan yang telah diberikan oleh responden berkenaan dengan item-item soalan yang diutarakan, maka pengkaji mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap kemudahan OKU yang disediakan di kolej komuniti masing-masing adalah masih dalam lingkungan tahap sederhana dan masih memerlukan penambahbaikan agar kemudahan yang disediakan adalah berpadanan dengan kehendak dan kegunaan pengguna. Tiada perbezaan yang signifikan antara dua (2) kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Ledang (KKL) dan Kolej Komuniti Jelebu (KKJ) terhadap kemudahan OKU yang disediakan di kolej masing-masing, namun bagi Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) jawapan responden begitu ketara dengan mempunyai nilai min yang rendah terhadap semua item soalan. Jelas menunjukkan bahawa responden dari KKMT tidak berpuashati dengan kemudahan OKU yang disediakan dan bersandarkan kepada jawapan responden juga kemudahan yang disediakan adalah ditahap yang kurang memuaskan. Berbeza pula dengan KKL dan KKJ, di mana responden merasakan bahawa kemudahan yang disediakan sedikit baik dan memenuhi keperluan mereka di kolej.

## 6. Pengakuan

Dalam menghasilkan kajian ini, saya telah berhubung dengan pelbagai pihak termasuklah, golongan penyelidik, golongan akademik dan individu yang terlibat dalam kajian ini. Mereka telah banyak memberi sumbangan melalui pemahaman dan idea kepada saya. Oleh itu, saya ingin memberi penghargaan yang ikhlas ini kepada penyelia utama tesis, Dr. Alice Sabrina Binti ismail kerana bimbingan, semangat, kritikan yang membina serta persahabatan yang telah terjalin sejak bermulanya kajian ini dilaksanakan. Penghargaan ini juga diberikan kepada semua institusi di Kolej Komuniti yang terlibat dalam memberikan maklumat dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi Ketika menjalankan kajian ini.

## Rujukan

- Akhiar Pardi dan Shamsina (2011). Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan tindakan. Selangor: Penerbitan Multimedia sdn.Bhd.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008). UNDANG-UNDANG MALAYSIA, AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008. 1–40.
- Creswell, J. W. (2013). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*.
- Falina, H., & Sabri, S. A. (2017). Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya ( Oku ) Di Institusi Pengajian. (May).
- Hasnah, T., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M., & Norasuzaini, S. (2009). SOKONGAN DAN HALANGAN YANG DIHADAPI PELAJAR-PELAJAR KURANG UPAYA DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA. (January).
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. dan M. (2016). *Pelan Tindakan OKU 2016-2022*.
- Komuniti, K. (2009). Kolej komuniti. 117–180.
- Madichie, N. O. (2018). *Consumer Perception*. (November).

- Nasirudin, N. binti D. @ M., Talib, H. binti, Ibrahim, S. Z. binti, & Samsulbahari, A. bt. (2017). KESEDARAN SOSIAL TERHADAP GOLONGAN MAHASISWA KURANG UPAYA DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR.
- Pisal, N. A., Shukri, K., & Teh, M. (2019). Kajian Rintis Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab. *Kajian Rintis Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab*, 16(7), 1–12.
- Rosli, H. F., & Sabri, S. A. (2017). HALANGAN FASILITI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI LEMBAH KLANG. 2, 94–99.
- Sabri, S. A., Rosli, H. F., & Takril, N. F. (2018). KEPERLUAN PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.
- Samsudin, I. S. binti, & Rahim, M. binti A. (2014). Kolej Komuniti Sebagai Hub Melanjutkan Pelajaran Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya ( Oku ) : Satu Tinjauan.
- Tinggi, S. P., & Tinggi, K. P. (2017). Statistik Pendidikan Tinggi 2017 : Kementerian Pendidikan Tinggi | 8.
- Vate-U-Lan, P., & Masouras, P. (2018). Thriving social network for communication on elearning: Exploring gender differences in attitudes. *ACM International Conference Proceeding Series*, 1–6. <https://doi.org/10.1145/3279996.3280010>
- Ying-Leh, L. (2018). Persepsi pelajar terhadap persekitaran fizikal makmal komputer di Politeknik Kuching Sarawak. (May).